

18 JAN 1997

Anti-Asia

KEDAI ANTI-ASIA DIBUKA DI MELBOURNE

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 18 Jan (Bernama) -- Sebuah kedai yang menjual kemeja-T berslogankan anti-Asia dan perkauman lain, dibuka minggu ini di Fawkner, di pinggir bandar Melbourne.

Kedai di Tyson Street itu yang dikendalikan oleh pertubuhan perkauman, National Action, menampal penuh dinding-dindingnya dengan poster-poster yang menggesa supaya "sampah masyarakat" itu ditembak.

Pengerusi National Action, Michael Brander, memberitahu akhbar Herald Sun bahawa beliau berharap kedai itu dapat memanjangkan mesej anti-Asia pertubuhan itu kepada semua penduduk Australia.

Kemeja-T, pelekat dan kole turut penuh dengan slogan seperti "Stop the Asian Invasion" (Hentikan Pencerobahan Asia) dan "Land Rights for Whites" (Hak Tanah Untuk Kulit Putih)

Kedai perkauman itu telahpun menerima bantahan pemilik-pemilik kedai lain berdekatan, yang berkata Kedai Anti-Asia itu tidak mempunyai tempat di kawasan aman itu.

"Kami adalah masyarakat yang harmoni. Mereka tidak diterima di sini," seorang pemilik kedai itu dikatakan sebagai berkata.

Dua penduduk tempatan, Zoubaida Elhajje, 17, dan Michelle Mifsud, 15, memberitahu akhbar itu bahawa antara manfaat menetap di Fawkner ialah masyarakat pelbagai budaya dapat hidup dengan aman tanpa mempunyai perasaan perkauman.

"Semua orang baik terhadap satu sama lain di sini," kata Zoubaida.

Sementara itu, Anggota Parlimen Bebas Pauline Hanson mempunyai peluang dipilih sebagai "1996 Australian of the Year" (Rakyat Popular Australia 1996) tetapi beliau terpaksa bersaing dengan calon terkemuka lain seperti Perdana Menteri John Howard, Perdana Menteri Victoria Jeff Kennett, pemenang pingat perak Olimpik Cathy Freeman dan saintis Dr Tim Flannery.

Kempen anugerah itu, yang menerima 300 calon tetapi disenaraipendekkan kepada tujuh orang sahaja, dikendalikan oleh akhbar The Australian.

Calon-calon akhir yang lain ialah pengarah Galeri Nasional Puan Betty Churcher dan pemimpin orang asli yang sangat dihormati Cik Lois O'Donoghue.

Kira-kira 6,500 pembaca, sesetengahnya dari Asia mencalonkan rakyat Australia yang memberi sumbangan cemerlang kepada negara ini tahun lepas.

Menurut satu laporan dalam The Australian hari ini, Hanson dan Dr Flannery setakat ini menerima undi yang paling banyak.

Para pembaca itu mencalonkan Hanson kerana kesan yang dibawanya dalam politik, dan berkata Anggota Parlimen dari Brisbane itu, yang Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Mahathir Mohamad sifatkan sebagai "bodoh", sering "memperkatakan apa yang dipercayainya, tidak seperti ahli politik yang lain".

Seorang lagi pembaca berkata: "Betul atau salah, dia (Hanson) telah menunjukkan bahawa adalah mungkin didengari jika anda percaya."

Sebuah jawatankuasa yang diketuai ketua pengarang baru The Australian, David Armstrong (sebelum ini di Hong Kong), akan menentukan pemenangnya. Pengumuman akan dibuat dalam edisi Sabtu depan akhbar itu. -- BERNAMA

NDC NAK RON